

Date and Time: Thursday, 4 December 2025 3:06pm +08

Job Number: 269757407

Document (1)

1. [Al Dar Resources Sdn Bhd Iwn Datuk Husam bin Musa \[2023\] MLJU 1153](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: "syazwan hasim"

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-



[Al Dar Resources Sdn Bhd Iwn Datuk Husam bin Musa \[2023\] MLJU 1153](#)

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU)

ROSLAN ABU BAKAR H

GUAMAN SIVIL NO DA-23CY-3-06 TAHUN 2022

31 May 2023

*(Syazwan Hasim & Azeel Eskandar) bagi pihak plaintif.
(Amin-Tan & Co) bagi pihak defendan.*

Roslan Abu Bakar H:

PENGHAKIMAN (LAMPIRAN 5)

Pengenalan

[1] Dalam writ saman ini Plaintif menuntut ganti rugi terhadap suatu penerbitan fitnah dalam halaman Facebook Defendan. Di awal pemfailan writ saman ini, Plaintif melalui Lampiran 5 memfailkan suatu permohonan exparte bagi mendapatkan perintah antara lainna bagi Defendan mengeluarkan penerbitan dalam Facebook berkenaan dan selanjutnya suatu perintah injunksi menghalang Defendan atau agen atau pengkhidmatnya (antara lainna) menerbitkan semula, berkongsi, menyebabkan tersiar dan sebagainya. Mahkamah mengeluarkan injunksi interim diperingkat ini dan selanjutnya mendengar kes kedua-dua pihak di peringkat inter partes.

[2] Plaintif adalah sebuah syarikat persendirian yang ditubuhkan pada 6.1.2017 dan mempunyai pelanggan-pelanggan termasuk dan tidak terhad seperti agensi kerajaan, anak syarikat kerajaan dan Kerajaan Negeri Kelantan.

[3] Manakala Defendan pula adalah seorang ahli politik yang berpengaruh di Negeri Kelantan dan Malaysia serta pernah memegang beberapa jawatan penting di peringkat negeri dan nasional.

Fakta

[4] Plaintif mendakwa Defendan melalui halaman Facebooknya bertarikh 3.6.2022 telah menerbitkan satu kenyataan bertajuk "Kebetulan Kontraktor Balak Daulah Najah Ada Kaitan Keluarga Dengan YB Habifa?" dan pada 6.6.2022 satu kenyataan lagi bertajuk "Kelantan Dikuasai Gandingan Dua H?" yang mana ianya bersifat fitnah dan mencemarkan nama baik Plaintif dan juga kepada reputasi perniagaannya.

Isu

[5] Isu-isu yang perlu diputuskan mahkamah adalah:

- (i) sama ada Plaintif menunjukan suatu bona fide serious issue untuk dibicarakan;
- (ii) di mana keadilan berpihak i.e. sama ada dikeluarkan atau tidak dikeluarkan injunksi interim ini;
- (iii) sama ada pampasan kewangan mencukupi untuk memampaskan Plaintif jika Defendan gagal dalam tuntutan.

Undang-undang

[6] Dalam menimbangkan permohonan injunksi interim dikeluarkan sehingga pelupusan percabaran kes ini (Aturan 29, Kaedah 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012), saya telah berpandukan kepada beberapa prinsip mantap yang diputuskan dalam nas-nas berikut (antara lainnya):

- (i) prinsip injunksi interim dalam kes *American Cyanamid v Ethicon Ltd* [1975] AC 396 tidak boleh dipakai secara per se dalam tindakan kes fitnah tetapi memerlukan pertimbangan prinsip-prinsip lain. Kedudukan ini telah diputuskan dalam kes *Ngoi Thiam Woh v CTOS Sdn Bhd & Ors* [2001] 4 MLJ 510, kes *Crest Homes Ltd v Ascott* [1980] FSR 396 dan kes *Herbage v Pressdram Ltd* [1984] 1 WLR 1160.
- (ii) mahkamah perlu berhati-hati dan tidak boleh secara terus memberikan injunksi interim dalam kes-kes fitnah (*The New Straits Times Press (M) Bhd v Air Asia Bhd* [1987] 1 MLJ 36 dan kes *Ngoi Thiam Woh v CTOS Sdn Bhd & Ors* [supra]) kerana perlu diimbangi dengan kebebasan bersuara (*Bonnard v Perryman* [1891] 2 Ch 269).
- (iii) perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan mahkamah sebelum mengeluarkan injunksi interim (*Ngoi Thiam Woh v CTOS Sdn Bhd & Ors* [supra]) iaitu (dalam bahasa asal):
 - (a) *the statement is unarguably defamation;*
 - (b) *no grounds for concluding that the statement may be true;*
 - (c) *there is no other defence which might succeed;*
 - (d) *there is evidence of an intention to repeat or publish the defamatory statement.*

Penelitian dan penemuan mahkamah

[7] Kenyataan yang dimuatnaik dalam page Facebook Defendan iaitu (Husam Musa) bertarikh 3.6.2022 boleh dilayari melalui link <https://www.facebook.com/hjhusammusa/posts/pfbid0C9NvxERLd5tpP4QkA2Zg5XtdDH8c1oDdqRDRH8F1pUS6AQ3UA86vDC1c9oBDmSiBl> adalah seperti berikut:

"Kebetulan Kontraktor Balak Daulah Ada Kaitan Keluarga Dengan YB Hanifa?"

Kontraktor balak Daulah Najah adalah Al Dar Resources Sdn Bhd. Luas kawasan - 700 ekar.

Hasilnya mungkin mencecah lebih RM10 juta. Pemilik tunggal Al Dar Resources Sdn Bhd adalah Encik Hafiz dari Salor.

Secara kebetulan, beliau bersempu dengan isteri anak saudara kandung YB Hanifa. Mereka dikatakan mempunyai hubungan yg amat rapat.

Anak YB Hanifa yg umurnya lebih muda dari Encik Hafiz dilihat selalu berfoto bersama.

Secara kebetulan pula, Encik Hafiz adalah anak saudara YB Adun Salor.

Secara kebetulan pula, kompartmen 25 HSK Nenggiri yg disyaki berlaku kecurian balak berharga mahal, berada bersebelahan konsensi balak yg diusahakan oleh Al Dar Resources.

Secara kebetulan juga, kompartmen 26 HSK Nenggiri sebagai hutan perlindungan yg dipanggil Hutan Dara Perlindungan termasuk dalam kawasan yg diluluskan untuk diusahakan oleh Al Dar Resources.

Tak pasti Daulah Najah memberikan konsensinya utk dibalak oleh Al Dar Resources secara tender terbuka, tender runding atau apa.

Kalau tak ada bunyi tender dibuka, mungkin boleh kita fahami ia diberikan secara runding senyap.

Bila badan sudah bertuah, akan banyak berlaku kebetulan- kebetulan.

Amalan demokratik lazimnya memerlukan ketelusan, penjelasan dan tanggung jawab awam.

Pihak pemegang amanah awam wajib memberikan penjelasan.

Antara penjelasan itu ialah, berpakah hasil balak dari konsensi ini diperolehi oleh Daulah Najah?

Namun, saya dok agak akan ada kambing hitam dipaksa mengaku perbuatan curang ini.

Bunyi khabar, sedang diatur.

Husam Musa

3 June 2022

#SaveKelantan

#SelamatkanKelantan”

[8] Dari kenyataan tersebut, Plaintiff menghujahkan perkataan- perkataan yang diadukan (impugned statements) terhadap Defendan adalah:

“

- i. *Kontraktor balak Daulah Najah adalah Al Dar Resources Sdn Bhd. Luas kawasan - 700 ekar.*
- ii. *Hasilnya mungkin mencecah lebih RM 10 juta.*
- iii. *Secara kebetulan pula, kompartmen 25 HSK Nenggiri yg disyaki berlaku kecurian balak berharga mahal, berada bersebelahan konsensi balak yg diusahakan oleh Al Dar Resources.*
- iv. *Secara kebetulan juga, kompartmen 26 HSK Nenggiri sebagai hutan perlindungan yg dipanggil Hutan Dara Perlindungan termasuk dalam kawasan yg diluluskan untuk diusahakan oleh Al Dar Resources.*
- v. *Tak pasti Daulah Najah memberikan konsensinya utk dibalak oleh Al Dar Resources secara tender terbuka, tender runding atau apa.*
- vi. *Kalau tak ada bunyi tender dibuka, mungkin boleh kita fahami ia diberikan secara rundingan senyap.”*

[9] Sekali lagi pada 6.6.2023, Defendan memuatkan satu lagi status dalam halaman Facebooknya dan telah menerbitkan atau menyebabkan diterbitkan perkataan-perkataan bersifat fitnah tersebut.

[10] Kenyataan yang dimuatnaik dalam page Facebook Defendan iaitu (Husam Musa) bertarikh 6.6.2022 boleh dilayari melalui link <https://www.facebook.com/profile/100044500896683/search/?q=Kelantan%20Dikuasai%20Gandingan%20Dua%20H3F> adalah seperti berikut:

Kelantan Dikuasai Gandingan Dua H?

Gandingan Hanifa-Hafiz dikatakan antara mercu tanda pemerentahan YAB Dato Ahmad Ya'akob.

1. Membalak Bersama Daulah Najah dan Dar Al Resources

Gandingan Dua H - Hanifa-Hafiz menerusi Daulah Najah dan Al Dar Resources - pembalakan hutan dara seluas 700 ekar. (Hubungan antara dua syarikat dan dua individu ini seperti ditunjukkan dalam posting saya terdahulu).

YB Dato' Hanifa mewakili Daulah Najah yg memiliki kawasan balak. En Hafiz pemilik tunggal Syarikat Al Dar - kontraktor balak yg dilantik oleh Daulah Najah.

Pembalakan di Hutan Simpan Kekal Nenggiri itu berakhir dengan terlulusnya hutan dara perlindungan (VJR) dan kecurian kayu balak bernilai RM 5 juta dari kompartmen bersebelahan.

Dua peristiwa ganjil berlaku serentak.

Belum kepastian pencurinya kerana Kerajaan Negeri masih berdiam diri. Apa tindakan Kerajaan Negeri terhadap jenayah keji itu juga belum terjawab.

Melainkan media melaporkan Pengarah Hutan Kelantan diarah menutup mulut. Kesian Tuan Pengarah. Garang juga Kerajaan Negeri Kelantan ni ya.

...

Husam Musa

6 June 2022

#SaveKelantan

#SelamatkanKelantan”

[11] Dari kenyataan tersebut, Plaintiff menghujahkan perkataan- perkataan yang diadukan (impugned statements) terhadap Defendan adalah:

“

- a. *Gandingan Hanifa-Hafiz dikatakan antara mercu tanda pemerintahan YAB Dato Ahmad Ya'akob.*
- b. *Membalak Bersama Daulah Najah dan Dar Al Resources*
- c. *Gandingan Dua H - Hanifa-Hafiz menerusi Daulah Najah dan Al Dar Resources - pembalakan hutan dara seluas 700 ekar. (Hubungan antara dua syarikat dan dua individu ini seperti ditunjukkan dalam posting saya terdahulu).*
- d. *Pembalakan di Hutan Simpan Kekal Nenggiri itu berakhir dengan terlulusnya hutan dara perlindungan (VJR) dan kecurian kayu balak bernilai RM 5 juta dari kompartmen bersebelahan.”*

[12] Selanjutnya Plaintiff menghujahkan ekspresi tersirat yang terkandung dalam kenyataan tersebut adalah bersifat fitnah terhadap Plaintiff dan dalam maksud semulajadi dan lazimnya (natural and ordinary meaning of the impugned words) bermaksud atau berupaya membawa maksud berikut:

11.1 Plaintiff adalah sebuah syarikat yang korup, tidak mempunyai integriti dan tidak boleh dipercayai;

11.2 Plaintiff tidak menghormati undang-undang;

11.3 Plaintiff melakukan salahguna kuasa dalam memperolehi konsesi balak;

11.4 Plaintiff telah bersubahat dan/atau melakukan konspirasi dalam kejadian kecurian kayu balak berharga mahal;

11.5 Plaintiff telah secara salah mengeluarkan kayu balak dari kawasan Virgin Jungle Reserved (VJR) dan membuat keuntungan daripada penjualan hasil kayu balak tersebut;

11.6 Plaintiff telah menceroboh kawasan VJR; dan

11.7 Plaintiff dilindungi oleh kroni daripada Kerajaan Negeri Kelantan.”

[13] Setelah mendengar, meneliti dan menimbangkan hujahan lisan kedua-dua pihak (secara inter partes), hujahan bertulis, nas-nas undang-undang, affidavit-afidavit dan eksibit-eksibit dokumentar yang difailkan, saya mendapati:

- (i) Defendan mengeluarkan pernyataan-pernyataan tersebut berdasarkan carian resmi dan sahih seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pejabat Tanah dan Jajahan dan sebagainya. Ini dibuktikan melalui carian syarikat yang di eksibitkan sebagai “HMK-4” dalam affidavit jawapan Defendan.

- (ii) Dokumen dalam “HMK-4” menunjukkan hubungan Defendan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan dalam kenyataan Facebook berkenaan, jenis perniagaan syarikat-syarikat itu, modal, pemegang saham dan lain-lain maklumat berkaitan.
- (iii) pernyataan-pernyataan tersebut melibatkan kepentingan awam dan pentadbiran negeri.

Saya mendapati isu-isu yang ditimbulkan dalam kenyataan Facebook berkenaan seperti pengeluaran balak, pengeluaran lesen, perlombongan emas dan sebagainya adalah melibatkan kepentingan awam, alam sekitar dan ekonomi Negeri Kelantan.

- (iv) Defendan mengemukakan keterangan dalam affidavitnya suatu pembelaan justifikasi dan komen berpatutan (fair comment) yang boleh dibuktikan dan berkemungkinan berjaya dalam perbicaraan.

Keterangan menunjukkan Defendan seorang ahli politik berpengaruh dan pernah menjawat jawatan-jawatan berikut iaitu EXCO Kerajaan Negeri Kelantan, Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, Ahli Parlimen, Timbalan Presiden sebuah parti politik dan Senator.

Sejak tahun 2022, Defendan bergerak melalui sebuah pertubuhan yang dinamakan Save Kelantan yang berfungsi menyemak dan menegur Kerajaan Kelantan dalam perjalanan pentadbiran, ekonomi dan sosial negeri.

Dengan latarbelakang karier dan fungsi pertubuhan itu, Defendan menggunakan pembelaan justifikasi dan komen berpatutan dalam menyiarkan kenyataan-kenyataan seperti dalam halaman Facebooknya.

- (v) Plaintiff gagal menunjukkan bahawa pembelaan-pembelaan yang digunakan oleh Defendan adalah “so unreasonable that it is bound to fail”.

Saya mendapati pembelaan justifikasi dan komen berpatutan adalah berdasarkan kepada tiga pertimbangan yang saya nyatakan di atas tadi. Plaintiff telah gagal menunjukkan kepada mahkamah di peringkat ini bahawa pembelaan yang digunakan oleh Defendan adalah “so unreasonable that it is bound to fail”.

[14] Berdasarkan kepada penemuan-penemuan tersebut (dan diperingkat ini mahkamah tidak menimbang keseluruhan merit kes pihak-pihak lagi), saya memutuskan:

- (i) kenyataan tersebut bukanlah suatu unarguably defamation.
- (ii) terdapat beberapa alasan-alasan yang boleh mengesahkan kenyataan berkenaan adalah benar.
- (iii) tidak ada bentuk pembelaan lain selain dari justifikasi dan komen berpatutan akan berjaya.
- (iv) tiada keterangan yang menunjukkan Defendan menerbitkan lagi atau menerbitkan semula kenyataan tersebut.

[15] Selanjutnya berdasarkan kepada isu-isu yang dikemukakan, saya memutuskan:

- (i) Plaintiff telah gagal menunjukkan suatu bona fide serious issue
- (ii) untuk dibicarakan.
- (iii) keadilan akan ujud jika tiada injunksi interim dikeluarkan.
- (iv) pampasan kewangan adalah mencukupi untuk memampaskan Plaintiff jika Defendan gagal dalam tuntutan.

Keputusan

[16] Permohonan Plaintiff ini ditolak kos adalah dalam kausa.